



KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|--------------|---|--------------------|------------|---|---|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 21/9/2021 (SELASA) | MUKA SURAT | : | 7 |
| JABATAN | : | KeTSA/JPSM | | | |

76 kes pembalakan haram

Kerajaan telah ambil tindakan setakat 31 Ogos lalu

KUALA LUMPUR

Sebanyak 76 kes pembalakan haram dan 274 kes kesalahan hutan lain di dalam negara telah diambil tindakan setakat 31 Ogos lalu.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, daripada jumlah itu sebanyak 29 kes pembalakan haram dan 207 kes kesalahan hutan lain membabitkan di Semenanjung.

Menurutnya, di Sabah pula membabitkan tiga kes pembalakan haram dan 49 kes kesalahan hutan lain manakala Sarawak pula me-

libatkan 44 kes pembalakan haram dan 18 kes kesalahan hutan lain yang telah diambil tindakan dalam tempoh berkenaan.

"Penjenayah yang melakukan kesalahan tersebut boleh didakwa masing-masing di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] di Semenanjung Malaysia, Ordinan Hutan 2015 (Bab 71) di Sarawak dan Enakmen Hutan 1968 (Sabah No. 2 of 1968) di Sabah.

"Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak sentiasa meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti penerokaan dan pembalakan secara haram," katanya pada sesi pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan



Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak sentiasa meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti pembalakan haram.

Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH - Port Dickson) berhubung sejauh mana pemantauan kementerian itu terhadap aktiviti pembalakan khususnya di kawasan yang digazetkan sebagai hutan simpan dan tindakan yang telah diambil terhadap kes pelanggaran tersebut.

Mengulas lanjut, Takiyuddin berkata, kementeriannya sentiasa me-

mandang serius isu pembalakan haram dan kesalahan hutan lain di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK).

"Pengurusan hutan di Malaysia adalah berteraskan kepada prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management*) yang selari dengan Dasar Perhutanan Malaysia," katanya.